

**Kerajaan Komited Jayakan NKRA Perangi Rasuah: Musa Bernama
08 Disember, 2011**

KOTA KINABALU, 8 Dis (Bernama) -- Kerajaan, yang menggariskan usaha memerangi rasuah sebagai satu daripada Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA), akan terus meningkatkan iltizam dengan mengemaskini pelbagai polisi dan prosedur yang berkaitan selain mengukuhkan lagi bidang kuasa dan perundangan penguatkuasaan.

"Usaha memerangi rasuah dan menjayakan NKRA ini menuntut kerjasama, komitmen dan kesungguhan daripada semua pihak termasuk jabatan, agensi dan badan berkanun, syarikat berkaitan kerajaan, sektor swasta, pertubuhan bukan kerajaan dan pemimpin dan rakyat di semua peringkat," kata Ketua Menteri Datuk Seri Musa Aman.

Semasa berucap pada majlis Hari Terbuka NKRA Membanteras Rasuah 2011 bersama penjawat awam negeri Sabah di sini Khamis beliau berkata kerajaan negeri menyambut baik usaha berterusan dan inisiatif murni itu terutama memberi kefahaman yang jelas kepada orang ramai terutama penjawat awam akan bahaya jenayah rasuah.

Musa berkata dengan adanya komitmen yang menyeluruh dan usaha bersepadu, ia akan memberi impak yang positif dalam meningkatkan nilai-nilai integriti dalam kalangan penjawat awam bagi memastikan salah laku rasuah khususnya dalam sistem penyampaian perkhidmatan dan perolehan kerajaan dapat dikurangkan serta dibanteras sepenuhnya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=632728>